



MOD.100-2/1/2 Jld 7 () 03/01

KEMENTERIAN PERTAHANAN TERUS KOMITED MEMBELA NASIB VETERAN ATM

1. **NEGERI SEMBILAN, 15 Januari 2026** – Timbalan Menteri Pertahanan, **YB Adly Zahari** telah memulakan siri jelajah Program Veteran MADANI (PVM) 2026, dengan mengadakan kunjungan kebajikan ke atas veteran ATM di sekitar Daerah Paroi. PVM adalah inisiatif Kementerian Pertahanan (MINDEF) yang dilaksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) dalam usaha mendekati golongan veteran ATM secara bersemuka sekaligus mengenal pasti keperluan sebenar golongan ini serta mendapatkan maklum balas terhadap inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan.
2. Menerusi PVM Paroi, YB Timbalan MENHAN juga telah menyempurnakan **Majlis Penyerahan Rumah Baharu** di bawah Inisiatif Perumahan Veteran ATM kepada seorang balu veteran ATM di Kampung Sentosa, Paroi. Usaha ini bukan sahaja dilihat dapat membantu veteran ATM dan keluarga yang kurang berkemampuan memiliki kediaman sendiri yang selesa dan selamat tetapi bukti komitmen jitu MINDEF membela nasib veteran ATM khususnya yang memerlukan.
3. Sepanjang program, YB Timbalan Menteri Pertahanan (Timbalan MENHAN) telah menyantuni 15 veteran ATM yang terdiri daripada veteran asnaf, balu dan anak veteran kategori Orang Kurang Upaya (OKU). Selain bertanya khabar, turut disampaikan adalah sumbangan Rahmah, bantuan perubatan dan peralatan pesakit kepada setiap keluarga yang dilawati.
4. Dalam lawatan yang sama, YB Timbalan MENHAN juga telah bertemu dengan seorang veteran ATM yang pernah berkhidmat di dalam perkhidmatan British Army semasa era pasca-Perang Dunia II di Tanah Melayu. Sumbangan veteran ATM tersebut khususnya dalam membantu negara ketika fasa mengurus peralihan pentadbiran, menyokong pembentukan sistem pertahanan tempatan dan menghadapi cabaran mengawal jenayah setempat adalah amat dihargai dan disanjung tinggi oleh negara.
5. Siri program PVM Paroi kali ini dijadualkan berakhir pada 16 Januari 2026 di Daerah Asahan, Melaka dengan baki 13 veteran ATM yang akan dilawati di mana dua daripadanya adalah usahawan veteran ATM yang turut menerima bantuan peralatan perniagaan sebagai usaha memberi suntikan dana perniagaan kepada para usahawan veteran ATM untuk mengembangkan lagi potensi perniagaan mereka. Pada PVM kali ini, YB Adly telah diberi penghormatan untuk menyampaikan Pingat Jasa Malaysia kepada 10 veteran ATM, sebagai tanda penghargaan negara kepada perwira tanahair.
6. Program PVM adalah sebahagian daripada beberapa inisiatif MINDEF terkait golongan veteran ATM yang turut menyokong usaha **Transformasi Kesejahteraan Veteran ATM** serta **Amanat Tahun Baharu Menteri Pertahanan: 8 Fokus Kementerian Pertahanan**;

Fokus Ketujuh – Terus Memperkasa Kesejahteraan Veteran ATM Sebagai Penghargaan Jasa dan Pengorbanan Sepanjang Perkhidmatan Mereka. MINDEF juga komited memperkukuh strategi meningkatkan taraf sosioekonomi melalui inisiatif **Program Outreach Veteran ATM** khususnya lawatan di kawasan-kawasan yang dikenal pasti.

7. Turut hadir sepanjang program berlangsung ialah Ketua Pengarah JHEV ATM; Mejar Jeneral Dato' Haji Semaon bin Haji Marjuki, Panglima Markas Briged Pertama Infantri Malaysia; Brigedier Jeneral Dato' Zamri bin Othman, Pengarah JHEV ATM cawangan Melaka dan Negeri Sembilan; Mejar Muhammad Zarifi bin Haji Tumin serta Yang Dipertua dan ahli persatuan-persatuan veteran ATM Negeri Sembilan.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
Dikeluarkan pada 15 Januari 2025